

## **PENGGUNAAN UNSUR BAHASA NEGATIF TERHADAP HANTARAN ISU 1MDB OLEH PENGGUNA FACEBOOK**

*(USAGE OF NEGATIVE WORDS BY FACEBOOK USERS  
IN RESPONSE TO THE MISAPPROPRIATION INVOLVING 1MDB)*

**Mohd Norazizi Samsudain**  
17012993@siswa.um.edu.my

**Mardian Shah Omar**  
mardianso@um.edu.my

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur  
Malaysia

Received: 1st July 2021; Accepted: 28th March 2022; Published: 22nd April 2022

### ***ABSTRACT***

*Since 2015, the issue revolving around the strategic development company 1Malaysia Development Berhad (1MDB) in the press and social media platform Facebook has caused public dissatisfaction with the country's leadership. Therefore, this sociolinguistic study aims to analyse the use of negative language by Facebook users on the issue. The data was obtained from posts made by mainstream and pro-opposition media on Facebook. The researchers then used the qualitative descriptive method, coupled with the ethnography of communication approach proposed by Dell Hymes (1972), to describe the variety of negative languages introduced by Asmah Haji Omar (1987). Results showed the existence of three elements in the negative language used when discussing the issue of 1MDB, namely colloquial language (bahasa basahan), incorrect language use (bahasa pasar) and vulgarities (bahasa mencarut). The study also found that most adults and adolescent males neglected language decency when commenting, which could destroy their identities. Additionally, the sentiments on Facebook were found to have influenced the lexical choices of its users, which now contained negativity. The researchers hope that this study could uncover the issue of negative language use in the community and make them realise the increasing marginalisation of politeness during communication, consequently affecting the solidarity of people in the country.*

**Keywords:** *1MDB, ethnography of communication, language variety, negative language, politeness*

## ABSTRAK

Isu penyelewengan 1 Malaysia Development Berhad (1MDB) dibincangkan melalui akhbar dan Facebook sejak 2015 hingga kini telah mengundang perasaan tidak puas hati masyarakat terhadap pemimpin-pemimpin negara. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan aspek bahasa yang berunsur negatif oleh pengguna media sosial Facebook. Data-data kajian diperoleh daripada media arus perdana dan propembangkang yang telah membuat hantaran di media sosial Facebook. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif deskriptif dan menggunakan pendekatan Etnografi Komunikasi Dell Hymes (1972) untuk menghuraikan ragam bahasa negatif yang diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar (1987). Kajian ini mendapati bahawa wujud tiga unsur bahasa negatif berkaitan isu 1MDB, iaitu bahasa basahan, bahasa pasar dan bahasa mencarut dalam platform media sosial Facebook. Kajian ini turut mendapati bahawa kebanyakan golongan dewasa dan remaja lelaki telah mengabaikan nilai kesantunan berbahasa, sekali gus melunturkan jati diri mereka ketika memberi komen kepada hantaran isu 1MDB ini. Selain itu, sentimen yang dibangkitkan dalam media sosial telah mempengaruhi pemilihan leksikal pengguna media sosial Facebook yang mengandungi unsur negatif. Kajian ini diharap dapat menjadi medium untuk mendedahkan masalah penggunaan bahasa negatif dalam kalangan masyarakat, di samping dapat menyedarkan masyarakat tentang kesantunan berbahasa yang semakin diketepikan sehingga melunturkan perpaduan rakyat di negara ini.

**Kata Kunci:** 1MDB, etnografi komunikasi, ragam bahasa, bahasa negatif, kesantunan.

## Pendahuluan

Peranan media sosial sangat penting dalam masyarakat terutamanya dalam menyampaikan maklumat (Abd Rahim & Hanafi, 2018). Dalam kes 1MDB misalnya, maklumat mengenainya tersebar luas sehingga mendapat liputan daripada media tempatan dan antarabangsa. Liputan mengenainya juga dibuat oleh akhbar Wall Street Journal dan beberapa agensi berita antarabangsa lain. Pengamal media prokerajaan dan propembangkang seperti Astro Awani, Utusan Borneo Online, Sinar Harian dan Malaysia Kini turut memuat naik laporan berkaitan isu tersebut ke laman Facebook untuk pembacaan umum. Perbincangan mengenai isu ini dapat dilihat menerusi komen-komen yang diberikan oleh pengguna Facebook. Komen-komen negatif juga diberikan oleh masyarakat dalam platform tersebut. Situasi ini masih berlarutan kerana isu 1MDB masih lagi dibincangkan oleh pelbagai pihak. Buktinya, masih banyak liputan media berkaitan 1MDB dimuat naik menerusi Facebook oleh pengamal media seperti Bernama, Utusan Malaysia, Berita Harian dan kenyataan rasmi oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Perbincangan mengenai isu 1MDB turut menggunakan bahasa kesat seperti yang dilihat menerusi komen pengguna Facebook. Komen-komen yang diberikan juga datangnya daripada remaja sekali gus menjadikan situasi ini sebagai *trend* komunikasi yang sangat membimbangkan (Hariyati Ariffin, 2019; Rohaidah Mashudi et al., 2021). Situasi ini akan menjadi ikutan pengguna sosial lain sekiranya tidak dibendung.

Oleh itu, wujud satu keperluan untuk menganalisis bentuk ragam bahasa yang digunakan oleh masyarakat dalam mengulas isu IMDB. Berdasarkan kajian ini, trend ragam bahasa dalam kalangan masyarakat dapat dibuktikan terutamanya isu-isu hangat seperti kesalahan penggunaan wang negara. Perkara ini tidak boleh dipandang remeh kerana penggunaan bahasa berkait rapat dengan jati diri seseorang individu atau kumpulan individu yang menuturkan sesuatu bahasa (Faridah Nazir, 2013). Kepincangan nilai kesantunan dan jati diri dalam kalangan masyarakat turut mencerminkan kepincangan tamadun dan budaya. Masyarakat pula seakan taksud dengan media sosial dan menjadikannya sebagai medium komunikasi menggunakan bahasa berunsur negatif sehingga boleh menjatuhkan maruah sendiri.

Kupasan tentang ragam bahasa boleh dirujuk melalui penulisan Za'ba, iaitu *Ilmu Mengarang Melayu*. Menurut Za'ba (Dlm. Nik Safiah Karim, 1996), ragam bahasa ialah gaya cakap mulut (bahasa lisan) atau gaya surat (penulisan). Bachman (1990) pula menjelaskan bahawa ragam bahasa merupakan variasi bahasa berdasarkan jenis pemakaian yang berbeza, topik yang dibicarakan, hubungan pembicara, kawan bicara, orang yang dibicarakan dan medium pembicaraan. Penggunaan bentuk bahasa Melayu yang berbeza-beza juga menimbulkan masalah jika digunakan secara negatif oleh masyarakat. Situasi ini akan menjadi masalah dalam masyarakat sekiranya tidak dibanteras dengan segera (Hariyati Ariffin, 2019).

Menurut Megat Al Imran Yasin (2020), bahasa negatif seperti kata-kata kesat, makian dan cercaan memberi kesan yang buruk kepada masyarakat Malaysia yang terkenal dengan sopan santun serta budi bahasa yang tinggi. Perkataan yang digunakan turut mencerminkan peribadi individu yang hidup dalam masyarakat itu. Berdasarkan portal orangkata.my (2019), budi bahasa dikatakan tidak lagi menjadi budaya masyarakat kini kerana tohmahan, fitnah dan kata-kata kesat digunakan secara berleluasa terutamanya di media sosial. Wujud individu yang tidak menghiraukan pendapat dan perasaan orang lain ketika membincangkan sesuatu perkara. Dalam agama Islam sendiri, Allah SWT telah mengingatkan seluruh umatnya agar mengamalkan sikap bersopan santun dan mementingkan nilai murni semasa berkomunikasi seperti dalam Surah al-Hujurat ayat 2 hingga 3 yang bermaksud:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu meninggikan suaramu melebihi suara Nabi dan janganlah kamu berkata kepadanya dengan suara yang keras sebagaimana kerasnya suara sebahagian kamu terhadap sebahagian yang lain supaya tidak hapus (pahala) amalanmu sedangkan kamu tidak menyedarinya. Sesungguhnya orang yang merendahkan suaranya, di sisi Rasulullah mereka itulah orang-orang yang telah diuji hati mereka oleh Allah untuk bertakwa. Bagi mereka ampunan dan pahala yang besar.”

(*Surah al-Hujurat*, 26, p. 2-3).

Kajian tentang aspek kesantunan dan ragam bahasa telah dijalankan oleh pengkaji seperti Fujiastuti (2014), Oktavia & Hayati (2020), Sitorus (2018), Rahayu (2012) dan Zullina & Maulida (2019). Walau bagaimanapun, dapatan kajian mereka ini tidak menghubungkan penggunaan bahasa itu dengan grid etnografi komunikasi Hymes (1972).

Kajian tersebut hanya menganalisis pengaruh faktor sosial, faktor demografik dan pemprosesan penggunaan bahasa semasa masyarakat menggunakan bahasa dalam media sosial. Permasalahan berkaitan ragam bahasa didapati mempunyai kaitan dengan etnografi komunikasi kerana lapan elemen yang diterangkan oleh Hymes (1972) dapat dikaitkan dengan penggunaan bahasa oleh masyarakat untuk menyampaikan idea atau gagasan. Oleh itu, kajian ini menerapkan pendekatan etnografi komunikasi bagi menganalisis komponen utama yang mempengaruhi masyarakat ketika berkomunikasi secara negatif. Kajian ini turut melihat aspek kesantunan berbahasa masyarakat dalam Facebook yang semakin dipinggirkan oleh generasi masa kini. Kajian ini juga mampu memberikan gambaran tentang kelunturan jati diri dalam kalangan masyarakat yang tidak lagi mengutamakan kesopanan dan kesantunan ketika berkomunikasi.

### **Sorotan Kajian**

Penggunaan ragam bahasa yang berbeza berpunca daripada pelbagai faktor, iaitu faktor demografik, latar pendidikan dan suasana ketika berbahasa secara verbal atau bertulis (Faridah Nazir, 2013; Rahayu, 2012). Ragam bahasa wujud berdasarkan keadaan, suasana, latar belakang dan bidang (Naim et al., 2002). Perbezaan yang wujud melahirkan laras dan gaya bahasa yang berbeza-beza seperti laras bahasa ilmu, bahasa korporat, bahasa basahan dan bahasa santai. Ragam bahasa juga boleh terdiri daripada bahasa tingkat tinggi, rasmi, formal, halus atau rendah, tidak formal dan kasar atau diglosia. Bahasa yang tinggi dan formal terdiri daripada bahasa baku, manakala ragam bahasa rendah ialah bahasa tidak formal dan kasar yang lebih dikenali sebagai bahasa basahan.

Menurut Anggara (2011), faktor usia dan taraf pendidikan menjadi faktor kewujudan ragam bahasa yang pelbagai. Kajiannya mendapati wujud enam bentuk singkatan dan dua bentuk akronim yang digunakan oleh pengguna Facebook, iaitu singkatan huruf awal kapital, bentuk penggalan, angka sebagai pengganti suku kata dan kata, gabungan huruf dan angka, singkatan yang mengubah beberapa huruf dan mengulangi unsur vokal dan konsonan. Latar belakang pendidikan juga memungkinkan pengguna media sosial untuk menyisipkan kosa kata bahasa Jawa, bahasa Sunda, dialek Jakarta dan bahasa Inggeris ketika mengulas sesuatu perkara di media sosial.

Sementara itu, Reyes et al. (2013) pula mendapati bahawa faktor demografi juga menyebabkan pelanggaran sesuatu bahasa. Medium Twitter telah dipilih sebagai bahan kajian dan dapatan kajian menunjukkan bahawa pelanggaran bahasa dikatakan berlaku sebagai satu bentuk kreativiti. Wujud juga penggunaan bahasa yang figuratif dan bersifat humor dalam masyarakat bahasa. Kajian-kajian tentang ragam bahasa dalam media sosial juga telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji seperti Triadi (2018), Karim Harun & Maslida Yusof (2015) dan Faridah Nazir (2013). Kajian-kajian berkaitan faktor ragam bahasa dan penggunaan bahasa juga telah dikemukakan menerusi kajian tokoh-tokoh sosiolinguistik seperti Halliday (1968), Quirk (1972), Pit Coder (1973), Fishman (1991) dan Gibbon (1996). Hasil kajian oleh pengkaji-pengkaji tersebut turut mendapati bahawa faktor demografi, taraf

pendidikan dan latar belakang pendidikan seseorang juga penting dalam sesebuah masyarakat bahasa.

Hariyati Ariffin (2019), Megat Al Imran Yasin (2020) dan Ainal Akmar Ahmad et al. (2016) menyatakan bahawa penggunaan bahasa yang negatif boleh menyebabkan kelunturan sifat santun masyarakat pada masa kini. Oleh itu, pengkaji menghubungkan prinsip kesantunan yang diperkenalkan oleh Leech (1997). Prinsip kesantunan menekankan lima skala dalam berkomunikasi, iaitu untung rugi, pilihan, ketidaklangsungan, hak asasi, dan jarak sosial (Herdi, 2012). Terdapat lima bentuk komunikasi yang digunakan oleh masyarakat, iaitu deklaratif, representatif, ekspresif, direktif dan komisif. Masyarakat membuat pilihan untuk menanyakan, menegaskan, memberitahu perasaan, menolak, memarahi, menyuruh, mengingatkan dan mengancam dan menyebabkan pelanggaran prinsip kesantunan secara langsung atau tidak langsung.

Selain Leech, terdapat seorang lagi pakar sosiolinguistik yang telah menjalankan kajian tentang kesantunan berbahasa. Brown dan Levinson (1987) telah mengaitkan kesantunan sebagai usaha meminimumkan lakuan ancaman muka (*face threatening act*) kepada pendengar. Teori kesantunan linguistik terdiri daripada lima strategi utama, iaitu strategi secara langsung, kesantunan positif, kesantunan negatif, strategi tidak langsung dan strategi memilih untuk tidak melakukan sebarang lakuan ancaman muka (Zuraini Ramli et al., 2019). Zaitul Azma Zainon & Ahmad Fuad Mat Hassan Hamzah (2011) pula mendapati bahawa remaja sekolah kerap menggunakan maksim santun dan kesederhanaan hati, tetapi tidak lagi mengekalkan kesantunan semasa berkomunikasi melalui media sosial.

### **Hubungan Etnografi Komunikasi dan Ragam Bahasa**

Menurut Muhammad Zaid Daud & Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid (2019), etnografi komunikasi merupakan pendekatan secara teori terhadap bahasa atau wacana. Etnografi komunikasi merupakan kajian yang mengkaji bahasa daripada aspek linguistik dan memberi fokus kepada nilai sosial, budaya dan pemikiran masyarakat. Bidang ini tidak berfokus kepada satu cara dan kaedah dalam komunikasi semata-mata, tetapi merupakan suatu pendekatan secara teori. Berdasarkan penelitian terhadap sesuatu teks, pengkaji tidak boleh melihat penggunaan bahasa daripada sudut permukaan dan nahuan sahaja. Penterjemahan makna dalam teks dan tujuan makna tersebut digunakan penting kerana sesuatu teks yang digunakan mestilah mempunyai tujuan tertentu dan melibatkan pengalaman lepas.

Hymes (1972) dalam Muhammad Zaid Daud & Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid (2019) turut menjelaskan bahawa dasar teori untuk bahasa dalam cara pengucapan juga mengambil kira keberkesanan komunikasi sebenar. Dalam situasi ini, cara penyampaian idea ujaran dan ekonomi ujarannya diambil kira. Hal ini bermakna penggunaan bahasa dalam situasi tertentu perlu diberikan fokus sehingga dapat diamati dengan jelas pola-pola aktiviti komunikasi. Perkara ini melibatkan penggunaan ayat-ayat yang gramatis dengan menceritakan keperibadian psikologi, struktur sosiologi peristiwa dan lakuan individu dalam masyarakat yang berlainan serta sentiasa berubah. Gambaran peristiwa sebenar yang terjadi

dalam masyarakat dapat diketahui kerana wujudnya perkaitan antara etnografi komunikasi dan ragam bahasa, iaitu ragam bahasa yang berkait dengan aspek pemikiran dan persekitaran masyarakat.

### **Kaedah Kajian**

Pengumpulan dan penganalisan data merupakan metodologi yang penting bagi menjawab persoalan kajian (Yuznaili Salleh, 2021). Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif deskriptif dengan menggunakan teks-teks komentar pengguna Facebook sebagai data kajian. Menurut Neuman (2006), penyelidikan kualitatif bersifat fenomenologis dan berfokus kepada peristiwa interaktif serta melibatkan pemerhatian secara semula jadi atau realiti. Pengkaji telah menjadikan komen-komen pengguna Facebook berkaitan isu 1MDB sebagai data kajian, iaitu komen-komen yang diberikan mulai tahun 2015 sehingga kini. Justifikasi pemilihan komen pada tahun tersebut ialah isu 1MDB mendapat perhatian dan lebih banyak dibincangkan pada tahun tersebut. Sebanyak 100 buah komen dari portal akhbar prokerajaan atau propembangkang dipilih secara rawak untuk dianalisis. Skop kajian ini ialah teks-teks berkaitan isu 1MDB yang berunsurkan bahasa negatif. Teks yang dipilih untuk dijadikan data kajian telah dikenal pasti mempunyai kesalahan teknikal seperti kesalahan ejaan, penggunaan leksikal yang tidak menyampaikan maksud secara literal, kesalahan tanda baca dan percampuran kod dalam berbahasa Melayu. Pemilihan juga dilakukan kepada ulasan-ulasan yang sengaja digunakan oleh masyarakat dengan gaya berbahasa yang tidak sopan dan tidak menggambarkan budaya ketimuran. Hal ini disokong oleh kajian Hariyati Ariffin (2019), Subeditor (2019), Herdi (2012) dan Reyes et al. (2013). Menurut Tengku Sharolnizam dan Rohaidah Haron (2020), kajian teks merupakan teknik penting dalam penyelidikan kualitatif terutamanya aspek pengumpulan data. Pengkaji juga memaparkan teks-teks asal tanpa melakukan sebarang perubahan untuk menggambarkan situasi sebenar komunikasi oleh masyarakat. Pengkaji memilih ayat yang bersesuaian daripada keseluruhan komen untuk dianalisis bagi menyesuaikan dengan pendekatan etnografi komunikasi. Menurut Saville-Troike (2008) dan Muhammad Zaid Daud & Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid (2019), kajian dalam bidang etnografi komunikasi merupakan data separa dan bersifat kisah ringkas (anekdot). Teknik tersebut sesuai digunakan untuk menganalisis penggunaan bahasa pengguna Facebook supaya kelihatan lebih teratur.

### **Ragam Bahasa**

Menurut Asmah Haji Omar (2015), perbezaan penggunaan bahasa boleh dilihat daripada aspek bidang, pemilihan kata ungkapan dan kegemaran kepada ayat-ayat yang mempunyai struktur tertentu. Perkara ini membawa kelainan kepada gaya, formaliti dan keperibadian seseorang penutur ketika berbahasa. Ragam bahasa dalam bahasa Melayu terbahagi kepada dua, iaitu bahasa formal dan bahasa tidak formal. Fokus kajian ini ialah untuk menghuraikan bahasa tidak formal, iaitu penggunaan bahasa negatif sahaja. Hal ini demikian kerana unsur bahasa negatif dapat mencerminkan corak penggunaan bahasa masyarakat pada masa kini

ketika mengulas isu 1MDB menerusi komen-komen Facebook. Penggunaan bahasa negatif ini boleh menimbulkan polemik sesama pengguna media sosial seperti yang diperkatakan oleh Hariyati Ariffin (2019). Kajian oleh Kassim (2021), Sara Beden & Indirawati Zahid (2017) dan Jaafar Jambi (2008) juga mendapati bahawa bahasa Melayu semakin terpinggir dan menjadi bahasa pengantar dalam sistem pendidikan sahaja. Bahasa Melayu yang santun tidak lagi dikekalkan penggunaannya oleh generasi kini terutamanya apabila berkomunikasi dalam media sosial (Hariyati Ariffin, 2019 & Megat Al Imran Yasin, 2020).

### **Model Grid *SPEAKING* Dell Hymes**

Dalam kajian ini, Model Grid *SPEAKING* (Hymes, 1972) telah menjadi garis panduan untuk menghuraikan ragam-ragam bahasa yang dikenal pasti. Jadual 1 menunjukkan Model Grid *SPEAKING* Dell Hymes (1972), iaitu:

Jadual 1: Model Grid *SPEAKING* Dell Hymes

Bil.	Komponen	Penjelasan
1.	Situasi ( <i>Situation</i> ) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Latar</li> <li>• Adegan</li> </ul>	Terjadi dalam ruangan Facebook ketika masyarakat memberi respons terhadap isu 1MDB yang dimuat naik oleh pengamal media. Landasan masa data kajian diperoleh dari bulan Mei 2015 hingga kini.
2.	Pelaku ( <i>Participation</i> ) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penutur pembaca</li> <li>• Penyapa asli</li> <li>• Pendengar/penerima/pendengar/penonton</li> <li>• Pihak yang disapa</li> </ul>	Para pelaku dalam peristiwa bahasa yang bertindak. Kajian ini lebih tertumpu kepada pengguna Facebook tanpa mengambil kira faktor fahaman politik mereka.
3.	Tujuan ( <i>Ends</i> ) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Hasil</li> <li>• Sasaran</li> </ul>	Menggambarkan tujuan mereka menggunakan perkataan, mempamerkan pelbagai perasaan dan menjangkakan kesan daripada penulisan mereka di Facebook.
4.	Urutan Struktur Pertuturan ( <i>Arrangement</i> ) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bentuk pesan</li> <li>• Isi pesan</li> </ul>	Lebih difahami sebagai topik percakapan dan perbualan yang berkaitan dengan isu yang dibincangkan dalam portal berita yang disiarkan di Facebook. Situasi ini kebiasaannya berlaku dalam bentuk pesanan dan dialog informal.
5.	Kunci ( <i>Key</i> )	Dialog atau pesanan tidak formal yang menggambarkan ketidakberdayaan.
6.	Medium ( <i>Instrumentalities</i> ) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Media</li> <li>• Bentuk tuturan</li> </ul>	Teks yang dikutip adalah dari Facebook, iaitu platform yang digunakan oleh pengamal media untuk memuat naik isu-isu berkaitan 1MDB.
7.	Norma ( <i>Norm</i> ) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Norma interaksi</li> <li>• Norma interpretasi</li> </ul>	Peraturan sosial yang mempengaruhi peristiwa, reaksi dan tindakan oleh pembicara.
8.	Genre ( <i>Genre</i> ) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jenis teks</li> </ul>	Jenis peristiwa atau ucapan yang sedang dilalui oleh pembicara.

Berdasarkan Jadual 1, komponen *SPEAKING* berkait rapat dengan ragam bahasa yang menjadi data kajian ini. Oleh itu, pengkaji menjadikannya sebagai panduan untuk menerangkan setiap ragam bahasa masyarakat yang memberi komen berkaitan isu 1MDB menerusi Facebook. Penggunaan Model Grid *SPEAKING* akan ditandai dengan penggunaan tanda kurungan berdasarkan terminologi bahasa Inggeris, iaitu (*Situation*), (*Participation*), (*Ends*), (*Arrangement*), (*Key*), (*Instrumentalities*), (*Norm*) dan (*Genre*). Setiap elemen berkenaan akan dihubungkan dengan data kajian yang dianalisis. Tujuannya supaya huraian yang dibuat dapat menunjukkan ragam bahasa negatif masyarakat sekaligus mempunyai elemen etnografi komunikasi yang jelas. Hasilnya ialah ragam bahasa yang telah dikategorikan sebagai bahasa tidak formal yang berunsur negatif. Keadaan ini menyebabkan komunikasi masyarakat tidak lancar kerana wujudnya penggunaan perkataan yang tidak senonoh, kesalahan teknikal, budaya negatif dan nilai yang tidak bersantun (Reyes et al., 2013). Kajian ini juga akan memaparkan isu yang perlu diambil perhatian untuk memelihara kesantunan dan nilai jati diri masyarakat.

### **Dapatan Kajian**

Dapatan kajian ini menunjukkan wujud tiga unsur ragam bahasa negatif, iaitu bahasa basahan, bahasa pasar dan bahasa mencarut yang mendominasi komunikasi dalam Facebook berkaitan isu 1MDB. Data yang diperoleh ditandai dengan kod FB(290716) p1. FB merujuk kepada Facebook, 290716 merupakan tarikh komen itu dibuat oleh masyarakat umum menerusi Facebook, iaitu 29 Julai 2016, manakala p1 mewakili hantaran artikel yang telah dimuat naik oleh pengamal media. Data-data berkenaan telah dimasukkan ke dalam jadual yang mengandungi 'Bil.' sebagai mewakili kekerapan data. Setiap data ini ditunjukkan dengan bilangan, iaitu kekerapan jumlah data yang diperoleh. Bahagian ayat pula akan memuatkan contoh-contoh teks dan penggunaan ayat yang mengandungi unsur negatif, iaitu komen asal daripada pengguna Facebook. Pengaplikasian Model Grid *SPEAKING* Hymes akan ditunjukkan melalui penandaan dalam kurungan ( ) menerusi terminologi bahasa Inggeris untuk menggambarkan nilai kesantunan yang telah diketepikan oleh pengguna Facebook ketika mengulas tentang sesuatu isu yang tular. Pernyataan ketidaksantunan ini turut diterangkan dalam kajian Ainal Akmar Ahmad et al. (2016).

Perbincangan akan memfokuskan ragam bahasa tidak formal yang pertama, iaitu bahasa basahan. Menurut Faridah Nazir (2013), bahasa basahan ialah ragam bahasa yang rendah, tidak formal dan kasar. Berdasarkan definisi tersebut, pengkaji akan memfokuskan bahasa kasar dalam menghuraikan unsur bahasa negatif yang terdapat dalam bahasa basahan. Penggunaan bahasa basahan boleh menyebabkan struktur dan pola suku kata terjejas (Chaiyanara, 2006; Noor Aida Mahmor, 2014). Perkara ini dapat memberi satu gambaran kepada penggunaan bahasa yang tidak tertib atau melanggar konsep sopan-santun, adab dan tidak lemah lembut. Jadual 2 menunjukkan penggunaan bahasa basahan dalam Facebook (Data/Dapatan 1), iaitu:



Jadual 2 : Penggunaan Bahasa Basahan dalam Facebook (Data/Dapatan 1)

Bil.	Data	Ayat
1.	FB(290716)p1	Kenyataan penafian semata2, <b>pihak berkuasa di msia dah dilembukan Oleh org bernama najib..</b> Rakyat x <b>bodoh</b> utk menilai salah laku si kepala <b>penyamun jibby..</b> reza Aziz anak si rosmah,xkanlah wang simpanan menabung rosma sejak kecil blh support Reza dgn jho low??
2.	FB(290716)p3	Dan siapa pengerusi penasihat... <b>Bodoh, bahlol</b> punya cakap...itu sebagai disebut minuman nesafe tanpa disebut gulanya...yg ketara dikata nescafe nya sedangkan gula nya ada.
3.	FB(290716)p6	Sapa yag <b>lahanat</b> sgt yg undi Najib nih jadi PM..?? Tgk lap apa yg dh jadi kat Malaysia nih..?? Korang yg undi dia ni ada baiknya bunuh diri weyy... Sbb korang punya <b>bebal</b> semua yg tak undi dia jadi mangsa. <b>Mangkok hayun</b> betul la.. Lepas tu acah2 marah kat najib.
4.	FB(260516)p3	Bapak <b>anjing</b> DAP ni.asyik <b>menyalak</b> je.. <b>anjing kurap</b> ni bawak penyakit,suh jabatan perhilitan tembak je <b>anjing kurap</b> ni.
5.	FB(270716)Ap2	MO1 tiada kene mengenda dgn Manusia,ia merujuk kpd <b>seekor beruk besar yg dikelilingi beruk2 kecil.</b>
6.	FB(270716)Ap5	Penjelasan <b>kepala otak bangang</b> kau lah Rahman Dahlan...kat Malaysia ni mana boleh bagi penjelasan, semua nya ke dlm tong sampah.. <b>menteri tahap tong sampah...!</b>

Berdasarkan Jadual 2, sebanyak enam ayat telah dipilih dan dikategorikan sebagai bahasa basahan yang mengandungi bahasa kasar semasa pengguna Facebook memberi komen berkaitan isu 1MDB. Analisis data mendapati pengguna Facebook dengan bebas menggunakan bahasa kasar terhadap pihak berkuasa di Malaysia yang didakwa telah dipergunakan oleh bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Mohammad Najib bin Haji Abdul Razak dengan gelaran **najib** dan **jibby**. Penggunaan leksikal **dilembukan** secara jelas membawa maksud dipergunakan untuk tujuan kepentingan tertentu. Selain itu, pengguna media sosial berkenaan juga tidak teragak-agak untuk menggelar bekas Perdana Menteri itu sebagai **penyamun** walaupun kes berkenaan masih dalam siasatan pihak berkuasa. Sementara itu, pengkaji juga mendapati pengguna Facebook sewenang-wenangnya menggunakan leksikal negatif seperti **bodoh** dan **bahlol** bagi menunjukkan perasaan marah kepada pemimpin negara. Dalam hal ini, bodoh bermaksud tidak mudah mengerti ketika mempelajari sesuatu atau tidak pandai, manakala bahlol pula (atau ejaan sebenarnya ialah bahlul) ialah bahasa Kedayan yang menggambarkan peringkat tidak pandai yang lebih teruk daripada bodoh. Hal ini jelas membuktikan pengguna media sosial menzahirkan sikap dan perasaan marah mereka kepada bekas Perdana Menteri tersebut dengan menggunakan leksikal negatif tanpa menghiraukan perasaan individu yang menjadi subjek perbincangan. Situasi ini jelas menunjukkan keruntuhan nilai ketimuran rakyat Malaysia yang sepatutnya berbudi bahasa dan mengamalkan sikap sopan santun dalam berkomunikasi. Hal ini disokong oleh Megat Al Imran Yasin (2020) yang menyatakan bahawa bahasa kasar boleh melunturkan nilai sosiobudaya masyarakat negara ini.

Sementara itu, pengguna Facebook turut menggunakan leksikal **lahnat** (atau ejaan sebenarnya ialah laknat) yang membawa maksud terkutuk dan celaka. Selain itu, pengguna turut menggunakan perkataan **bebal** dan **mangkok hayun** untuk menzahirkan perasaan marah. Setelah diamati, pengguna Facebook tersebut mempersoalkan proses pelantikan Datuk Seri Mohammd Najib sebagai Perdana Menteri. Negara Malaysia mengamalkan sistem Raja Berpelembagaan dan Yang di-Pertuan Agong mempunyai hak melantik Perdana Menteri negara. Secara tidak langsung, dapat digambarkan rakyat Malaysia sudah tidak menghiraukan Prinsip Rukun Negara yang kedua, iaitu kesetiaan kepada raja dan negara selain mengabaikan Perlembagaan Persekutuan Perkara 43 (2)(a). Situasi ini menggambarkan sikap masyarakat yang biadab dan tidak patuh kepada Prinsip Rukun Negara kerana mereka mempunyai pengalaman psikologi lepas yang negatif. Hal berkenaan disokong oleh pernyataan Muhammad Zaid Daud dan Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid (2019).

Selain itu, pengguna Facebook turut menggunakan leksikal negatif yang merujuk kepada binatang seperti **anjing kurap** dan **beruk** terhadap pemimpin negara. Penggunaan bahasa kasar yang menggelar ahli Parlimen Kota Belud, Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan yang pada masa itu merupakan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai **kepala otak bangang** dan **menteri tahap tong sampah** juga didapati digunakan tanpa rasa bersalah. Berdasarkan teks yang dianalisis ini, jelas membuktikan bahawa saranan yang telah diberikan oleh Asmah Haji Omar (1987) dalam menjelaskan teori ragam bahasa tidak formal dan mengkategorikannya sebagai bahasa kasar telah dizahirkan oleh pengguna media sosial tanpa rasa bersalah di tempat umum.

Dalam konteks penjelasan menerusi grid etnografi komunikasi (Hymes, 1972), leksikal-leksikal negatif yang digunakan seperti **dilembukan, bahlol, bodoh, lahanat, bebal, anjing, beruk, kepala otak bangang, dan menteri tahap tong sampah** ialah satu bentuk cacian kepada pemimpin negara (*arrangement*). Komen yang diutarakan itu bertujuan menyampaikan mesej-mesej kesat (*key*) dan lebih buruk lagi, penggunaan leksikal-leksikal yang melampau seperti **lahanat** (laknat) (bermaksud dimurkai oleh Allah SWT dan dijanjikan azab api neraka bagi seorang Muslim) turut digunakan oleh masyarakat untuk mencaci pemimpin-pemimpin yang terlibat dengan skandal rasuah 1MDB. Sebagai manusia biasa, individu tidak sepatutnya menggunakan perkataan tersebut kerana laknat hanya tugas yang dijalankan oleh Allah SWT. Al-Quran juga telah menjelaskan bahawa laknat adalah balasan Allah SWT yang tidak terperi sakitnya seperti dalam surah al-Ahzab ayat 61 yang bermaksud:

“...serta mereka tetap ditimpa laknat. Di mana sahaja mereka ditemui, mereka ditangkap dan dibunuh habis-habisan.”

(*Surah al-Ahzab 33: 61*)

Pengguna Facebook (*peserta*) menzahirkan bahasa kasar seperti yang terdapat dalam Jadual 2 disebabkan sikap marah (*genre*). Ayat yang digunakan jelas menunjukkan keluhan dan luahan perasaan marah rakyat Malaysia terhadap dakwaan penyelewengan wang ringgit yang melibatkan jumlah yang sangat besar. Tambahan pula, menteri-menteri yang terlibat

dilihat tidak menjalankan tugas (*situation*) sebagai pembela nasib rakyat seperti yang telah dijanjikan oleh mereka (*Act Sequence*). Keadaan inilah yang menyebabkan masyarakat berasa kecewa sehingga menyebabkan mereka menemplak (*key*) dengan menggunakan ragam bahasa basahan yang mengandungi ciri-ciri bahasa kasar (*ends*). Masyarakat menjadikan medium Facebook (*instrument*) untuk melepaskan perasaan marah mereka (*norm*) kerana merasakan seolah-olah kepercayaan yang diberikan kepada pemimpin telah dimusnahkan. Masyarakat juga beranggapan bahawa Facebook merupakan satu platform awam dan luahan perasaan mereka turut dibaca oleh orang lain. Penggunaan bahasa kasar bukan sahaja terdapat dalam laman sosial media arus perdana, malah turut didapati laman sosial dalam media propembangkang (*instrument*). Masyarakat pada masa kini dilihat “setia” dengan media sosial sehingga menjadikannya platform untuk meluahkan perasaan dan tekanan.

Kajian turut mendapati unsur ragam bahasa pasar wujud melalui komunikasi dalam Facebook tentang isu 1MDB. Analisis data kajian ini akan menghuraikan ragam bahasa yang kedua, iaitu bahasa pasar. Sebenarnya, masyarakat menggunakan bahasa pasar ketika ingin berkomunikasi dengan individu lain untuk urusan santai dan tidak formal. Bahasa pasar kebanyakan digunakan untuk urusan jual beli dan dagangan serta mengambil ciri-ciri yang ada dalam bahasa Cina (Xiaomei, 2012). Walau bagaimanapun, menerusi dapatan yang dianalisis pada bahagian ini mendapati beberapa teks yang mengandungi komen berkaitan isu 1MDB telah menunjukkan mereka menggunakan bahasa yang melanggar hukum-hukum tatabahasa dan secara tidak langsung telah mencalarakan kedudukan bahasa kebangsaan (Chaiyanara, 2006). Masyarakat lebih mementingkan tujuan mereka, iaitu ingin menyampaikan perasaan amarah kepada isu yang dimuat naik di Facebook. Pendapat ini turut disokong oleh Hassan Ahmad (1999) yang menyatakan bahawa bahasa pasar digunakan untuk keluar daripada keperluan biasa untuk mengelakkan sekatan ketika berinteraksi. Penggunaan bahasa pasar membolehkan masyarakat untuk menyampaikan mesej kepada khalayak. Situasi ini berkaitan dengan teori ragam bahasa yang diutarakan oleh Asmah Haji Omar (1987) yang telah mengkategorikan penggunaan bahasa sebagai bahasa pasar. Jadual 3 menunjukkan penggunaan bahasa pasar dalam Facebook (Data/Dapatan 2), iaitu:

Jadual 3: Penggunaan Bahasa Pasar dalam Facebook (Data/Dapatan 2)

Bil.	Data	Ayat
1.	FB(290716)p3	Patut nye langsung tak langsung.. Biar org yg bertanggungjawab menjalankan siasatan yang bercakap. <b>Ko jibby... kalo</b> bercakap apa <b>pn org dh TAK PERCAYA dh jibby.sbb.....</b> Semua <b>org ko x</b> bagi bercakap...ko je <b>yg nk</b> bercakap. <b>xpercaya???? Tgk je</b> Berita TV3 tu.... <b>TERBUKTI!!!!</b>
2.	FB(290716)p6	Kau cuti lah dulu <b>sampah</b> biar siasatan X kau ganggu sama ada terlibat atau tdk. <b>Dah melampau busuk kamu jibon asyik payung diri tapi takut disiasat mati matian tutup busuknya taik kamu seluruh dunia hanyir.</b>
3.	FB(290716)p11	Najib ni law rosmah ngandung lagi pun dia akan kata dia x terlibat secara langsung...
4.	FB(260516)p5	Jgn lupa psl <b>telowong ngn e2 banggalowww</b> kasi <b>settle...</b>
5.	FB(210716)p5	Oh really... <b>sprm too good ar..</b> i dun think so... abg.. saya jual ye.. ok ok saya beli ya... haha

6.	FB(010916)p1	Dulu duit derma masuk akaun peribadi ,tak mengaku!.Bila kes Mo 1 terkeluar, dia pun tak mengaku! Pusing sana pusing sini, akhirnya terjat leher. Baru lah mengaku. Ini mcm boleh jadi pemimpin ke?.Buat malu msia jee!
7.	FB(010916)p7	Dia ni pm siapa yg berani usi salak sana salak sini dia tetap juga bebas mana ada kes.yg pejawab awan buat kene tangkap salah pun nak didakwa ini kan pula ketua menteri lg lagilah kuncu2dia tungkuslumus nak tutup

Berdasarkan Jadual 3, terdapat tujuh contoh teks yang mengandungi leksikal yang berunsurkan bahasa pasar semasa memberikan komentar berkaitan isu 1MDB. Setelah analisis data dijalankan, didapati wujud trend penulisan masyarakat tidak mematuhi hukum tatabahasa bahasa Melayu sehinggakan sukar difahami oleh pembaca.

“Ko jibby... kalo bercakap apa pn org dh TAK PERCAYA dh jibby.sbb..... Semua org ko x bagi bercakap...ko je yg nk bercakap.xpercaya????? Tgk je Berita TV3 tu.... TERBUKTI!!!!”.

Potongan ayat tersebut jelas menunjukkan bahasa yang digunakan oleh pengguna Facebook bercampur baur dan mengenai sasaran walaupun ayat itu tidak mematuhi unsur tatabahasa yang betul. Bukti ini disokong oleh pernyataan Hassan Ahmad (1999). Ayat di atas berbentuk amaran kepada Datuk Seri Mohammad Najib untuk tidak mengeluarkan sebarang kenyataan kerana bagi pengguna Facebook tersebut pemimpin telah menghalang individu-individu lain yang ingin memberikan pandangan. Perkara ini boleh menyebabkan individu berkenaan dikenakan tindakan undang-undang sedangkan negara telah memperuntukkan Perkara 10 (1) (a) yang menyatakan dengan jelas bahawa setiap rakyat Malaysia mempunyai kebebasan untuk bersuara dan menyuarakan pendapat. Berita yang disiarkan di stesen televisyen turut melaporkan ada individu-individu yang dikenakan tindakan undang-undang termasuk dilucutkan keahlian parti politik setelah mengeluarkan kenyataan yang bertentangan dengan pandangan Datuk Seri Mohammad Najib.

“Dah melampau busuk kamu jibon asyik payung diri tapi takut disiasat mati matian tutup busuknya taik kamu seluruh dunia hanyir”.

Kutipan data seperti ayat di atas pula turut menunjukkan penggunaan bahasa yang tidak mematuhi tatabahasa bahasa Melayu ketika mengulas isu 1MDB di Facebook sehinggakan ayat tersebut tidak dapat difahami dengan jelas. Pengguna Facebook tersebut mengkritik Datuk Seri Muhammad Najib yang didakwa melindungi dirinya sendiri supaya tidak disiasat oleh pihak berkuasa. Pengguna tersebut menggunakan leksikal-leksikal negatif untuk menzhahirkan perasaannya seperti **mati-matian tutup busuknya taik kamu seluruh dunia hanyir**. Pengguna tersebut hanya ingin menyatakan bahawa sekiranya kes Datuk Seri Mohammad Najib itu disiasat dengan telus, seluruh aktiviti yang dilakukan oleh pemimpin berkenaan akan diketahui oleh masyarakat umum. Penggunaan leksikal negatif boleh digantikan dengan penggunaan frasa yang lebih mudah untuk difahami. Analisis teks tersebut mendapati bahawa pengguna berkenaan ingin menegaskan idea dan situasi ini sama seperti yang telah dijelaskan oleh Herdi (2012).

Selain itu, bahasa pasar juga telah dikenal pasti melalui dapatan kajian apabila pengguna mencampurkan struktur binaan ayat bahasa asing dalam penulisan bahasa Melayu. Gaya kacukan yang mengikuti cara pembahasaan bahasa asing mula wujud untuk memaparkan perkataan Melayu tetapi ikatan ayat dan jalan nahunya bukan daripada bahasa Melayu (Zainal Abidin Ahmad, 2002). Terdapat dua faktor yang dikenal pasti menimbulkan masalah tersebut. Pertama, apabila pengguna memilih perkataan bahasa asing atau perkataan yang direka sendiri. Kedua, apabila pengguna bahasa sendiri tidak pandai berbahasa asing tetapi meniru dalam penulisan mereka. Pandangan sama berkenaan penyisipan kosa kata lain dalam ayat telah diperkatakan oleh Subeditor (2019) dan Megat Al Imran Yasin (2020). Situasi itu bukan sahaja telah meruntuhkan nilai jati diri masyarakat (Sara Beden & Indirawati Zahid, 2017), malah menimbulkan permasalahan dari aspek kerancuan bahasa (Ainal Akmar Ahmad et al., 2016).

“Jgn lupa psl telowong ngn e2 banggalowww kasi settle...”.

Menerusi dapatan di atas, didapati wujudnya pengaruh bahasa Cina (*instrumentalist*), iaitu susunan yang tidak gramatis (*key*). Pengguna media sosial tersebut ingin memberikan amaran kepada pemimpin untuk memastikan isu terowong bawah tanah di Pulau Pinang diberi perhatian dan tidak perlu mencampuri urusan lain. Walau bagaimanapun, menerusi ayat ini telah menyuntik sentimen perkauman apabila pengguna media sosial tersebut menggunakan sebutan pelat bahasa Cina. Hal ini secara tidak langsung boleh mencetuskan sentimen perkauman dalam kalangan masyarakat dan menjadi antara penyebab kewujudan perbalahan antara kaum. Pernyataan ini disokong oleh Asmah Haji Omar (2004) yang menyatakan bahawa masalah kerancuan bahasa boleh menggoyahkan perpaduan rakyat. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu sepatutnya berfungsi sebagai bahasa yang difahami oleh semua orang dan bukanlah untuk tujuan peribadi. Bahasa dikatakan menjadi lebih baik dari segi nahu jika dipraktikkan bagi menunjukkan kepatuhan kepada penutur asli bahasa berkenaan. Jika bahasa yang dihasilkan itu tidak diterima dan dianggap pincang oleh penutur asli bahasa (*participant*), unsur berkenaan dikatakan bertaraf di luar nahuan serta dianggap sebagai tidak gramatis.

Oleh yang demikian, unsur negatif yang ditimbulkan oleh pengguna Facebook dalam isu 1MDB ini bukan sahaja wujud pada perkataan tetapi juga kepada kesalahtafsiran terhadap sesuatu isu yang sedang hangat diperkatakan. Situasi ini tidak sepatutnya dibiarkan kerana boleh merosakkan pemikiran generasi kini dan akan datang, malah memberi kesan negatif kepada tahap pendidikan negara. Sekiranya terdapat banyak penggunaan ayat yang tidak menunjukkan kesantunan berbahasa dan elemen-elemen yang boleh meruntuhkan nilai jati diri (Ainal Akhmar Ahmad, 2016). Ragam bahasa yang ditunjukkan juga disampaikan menerusi penulisan yang disusun secara berbelit-belit (*instrument*). Namun, dapat dilihat pengguna Facebook tersebut ingin mengamalkan kebebasan dalam berinteraksi (*ends*) seperti yang dinyatakan oleh Hassan Ahmad (1999). Negara Malaysia mempunyai kebebasan bersuara (*norm*) menerusi Perkara 10 (1) (a), namun masyarakat tidak boleh sewenang-wenangnya mengabaikan nilai kesantunan dalam berbahasa sehingga mencemarkan kedaulatan bahasa Melayu.

Leksikal yang digunakan telah melanggar nilai kemurnian (*key*) yang sepatutnya tidak wujud dalam bahasa Melayu. Walaupun pengguna Facebook menggunakan bahasa Melayu, leksikal yang dipilih menunjukkan simbol negatif apabila dibaca oleh masyarakat umum. Wujud pandangan yang baik terhadap bahasa Melayu, iaitu masyarakatnya terkenal dengan sopan santun dan lemah lembut ketika berbual (Hariyati Ariffin, 2019). Sebagai contoh, penggunaan leksikal **sampah** tidak membawa makna literal tetapi sebenarnya menggambarkan makna konotatif yang boleh disifatkan sebagai sia-sia kerana leksikal tersebut tidak berjaya menyampaikan mesej kepada pembaca. Ayat berkenaan juga boleh mengelirukan orang ramai dan menyebabkan mereka mempunyai tanggapan yang negatif. Komunikasi di Facebook bertujuan menaikkan kemarahan dan tidak mendatangkan sebarang penyelesaian kepada permasalahan yang berlaku (*ends*).

Data yang seterusnya membuktikan terdapatnya unsur bahasa mencarut dalam komunikasi Facebook mengenai isu 1MDB. Menurut Hariyati Ariffin (2019), mencarut merupakan tindakan seseorang semasa bertutur dan menulis dengan menggunakan ayat-ayat makian dan bahasa kotor yang menggambarkan situasi tidak sopan. Analisis data mendapati bahasa mencarut digunakan oleh golongan lelaki. Tujuannya adalah untuk menzahirkan pandangan mereka tentang sesuatu isu. Pernyataan ini disokong oleh Sholikhah (2015) yang menyatakan bahawa lelaki dewasa lebih dominan menggunakan bahasa tanpa memikirkan sebab-akibat dan mengandungi istilah-istilah kasar berbanding golongan wanita. Dalam erti kata lain, bahasa yang digunakan oleh golongan lelaki boleh mengandungi unsur lucah. Pengkaji juga dapat membuktikan banyak unsur carutan yang digunakan oleh kaum lelaki ketika memberi komen berhubung isu 1MDB. Pengkaji mendapati bahawa ramai pengguna lelaki menyumbang kepada data kajian kerana ciri-ciri ragam bahasa lelaki yang terdapat dalam kajian ini menepati saranan oleh Sholikhah (2015). Berdasarkan data yang diperolehi ini, pengkaji dapat mengenal pasti latar belakang penutur, sikap dan cara mereka bertutur. Perkara ini secara tidak langsung dapat membuktikan wujudnya unsur forensik, iaitu pengkaji dapat mengesan jantina pengguna media sosial berdasarkan ciri-ciri bahasa yang telah digunakan oleh mereka. Jadual 4 menunjukkan penggunaan bahasa mencarut dalam Facebook (Data/Dapatan 3).

Jadual 4: Penggunaan Bahasa Mencarut dalam Facebook (Data/Dapatan 3)

Bil.	Data	Ayat
1.	FB(260916)p3	Lalang...tk ada pendirian.. <b>betina</b> tk ada <b>biji kelentit</b>
2.	FB(260916)p4	Ini satu lagi <b>lanciau</b>
3.	FB(290716)p5	Respectmypm <b>kepala buto</b> dia!! Sema jabatan dia ganggu! Lepas tu kata semua berpihak kat dia.. eh! <b>Setannya statement!!!</b>
4.	FB(260516)p3	Cina <b>Dapigs Komunis Sial</b> ni n SeAngkatan dgnya Tembak Bg <b>Mampoih</b> lebih baik.
5.	FB(210716)p6	Muka <b>jahanam</b> jib <b>cibai</b> . Ag muka tak dak seri langsung mati esok mu tau la.macai tua.... <b>keparat</b>

Berdasarkan Jadual 4, pengkaji telah menganalisis lima teks yang digunakan oleh pengguna Facebook yang mempamerkan bahasa mencarut, iaitu penggunaan leksikal negatif

yang menggambarkan keruntuhan bahasa dalam kalangan masyarakat kita seperti **betina, biji kelentit, lanciau, kepala buto, setan, dapigs, sial, mampoi, jahanam** dan **keparat**. Leksikal-leksikal negatif tersebut bertujuan untuk menzahirkan perasaan benci dan marah (*ends*) terhadap pemimpin-pemimpin yang terlibat dalam isu 1MDB. Pengguna Facebook secara jelas telah menyentuh elemen jantina dalam penggunaan perkataan semasa mengulas artikel yang dimuat naik oleh pengamal media menerusi Facebook. Hal ini demikian kerana isu yang dimuat naik tersebut berkaitan dengan penolakan saman seorang ahli Parlimen wanita terhadap pemimpin (Datuk Seri Mohammad Najib) yang sepatutnya dihukum tetapi terselamat daripada hukuman. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak boleh dijadikan norma dalam kehidupan sosial masyarakat kerana pemilihan leksikal yang digunakan mengandungi unsur lucuh dan boleh mempengaruhi pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya golongan remaja. Pemilihan leksikal yang digunakan oleh pengguna Facebook tidak menggambarkan budi bahasa dan perlu ditapis demi menjaga martabat bahasa Melayu seperti yang disarankan oleh Megat Al Imran Yasin (2020) dan Subeditor (2019).

Berdasarkan isu daripada teks-teks yang dikutip daripada Facebook, perasaan marah yang dizahirkan oleh kebanyakan masyarakat disebabkan keadaan semasa (*situation*) yang mendesak pihak berkuasa menjalankan tindakan undang-undang secara tidak adil. Tindakan undang-undang yang sedang dijalankan bukan sekadar perlahan tetapi tidak menampakkan sebarang bentuk hukuman kepada mereka yang terlibat dalam isu 1MDB seperti yang masyarakat mahukan. Oleh yang demikian, masyarakat menggunakan platform Facebook sebagai medium untuk mendesak pihak berkuasa menjalankan hukuman dengan segera kepada individu yang terlibat dalam skandal 1MDB ini. Analisis kajian ini mendapati bahawa unsur pengaruh Facebook sangat kuat dalam kalangan masyarakat dan mampu mempengaruhi pengguna Facebook lain. Hal ini berlaku kerana mereka ingin menzahirkan perasaan yang telah terbuku di hati mereka supaya pihak berkepentingan cakna terhadap kes tersebut.

Analisis data turut mendapati wujud segelintir pengguna mencampurkan bahasa Cina dalam ayat bahasa Melayu, iaitu menerusi leksikal **lanciau** untuk memaki pemimpin yang terlibat. Dapatan kajian ini sekali lagi menunjukkan masyarakat cuba menyuntik sentimen perkauman menerusi komen di Facebook. Hal ini berlaku kerana isu yang dimuat naik oleh pengamal media mempunyai perkaitan dengan seorang pemimpin berbangsa Cina yang cuba untuk mengetengahkan isu 1MDB ini. Atas faktor inilah masyarakat menggunakan leksikal negatif seperti **Dapigs komunis sial** untuk merujuk kepada pemimpin berbangsa Cina. Keadaan tersebut bukan sekadar merosakkan nilai kesantunan berbahasa tetapi boleh menjadi provokasi untuk mencetuskan salah tanggapan dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini. Situasi ini berlaku kerana masyarakat mahukan isu 1MDB diselesaikan dengan segera (*key*), namun mereka tidak mempunyai medium lain untuk meluahkan perasaan selain menerusi Facebook (*instrumentalist*). Walau bagaimanapun, secara tidak sedar mereka telah membangkitkan isu yang sensitif serta boleh merosakkan perpaduan. Hal ini bertepatan dengan pendapat Asmah Haji Omar (2004) yang menyatakan bahawa bahasa perlu digunakan dengan baik oleh masyarakat kerana bahasa merupakan medium perpaduan negara.

Dalam konteks ini, unsur leksikal negatif seperti **biji kelentit**, **cibai** dan **kepala buto** yang digunakan oleh pengguna Facebook sebenarnya tidak menunjukkan kepada makna literal ataupun denotasi. Apabila perkataan tersebut telah dipamerkan kepada khalayak, ia boleh memberi pelbagai reaksi dan persepsi negatif kepada masyarakat (Reyes et al., 2013). Hal ini demikian kerana keadaan tersebut telah dijelaskan oleh Nathesan (2015) bahawa perkataan lucu mendukung makna *obsence*, *low* (tidak senonoh, sangat rendah), manakala maknanya mendukung kepada sesuatu yang hina, keji, sangat rendah, tidak senonoh dan tidak sopan. Keadaan tersebut akan memberi implikasi negatif, iaitu menggambarkan keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat negara kita. Lebih merisaukan apabila keruntuhan akhlak akan mempengaruhi tingkah laku generasi kini.

Beberapa perkataan lucu yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada umum seolah-oleh digunakan tanpa batasan menerusi Facebook. Menurut Megat Al Imran Yasin (2020), amalan penggunaan bahasa berunsur negatif ini akan merosakkan sosiobudaya masyarakat negara ini. Malah, situasi sekarang lebih menakutkan apabila murid-murid darjah satu juga sudah menggunakan bahasa mencarut ketika bergurau senda dengan rakan-rakan mereka dan menganggapnya sebagai perbualan kosong (Ainar Akhmar Ahmad et al., 2016). Hal ini berkait rapat dengan ciri-ciri bahasa yang digunakan oleh golongan remaja pada masa ini yang lebih menjurus kepada ketidaksantunan kesan pengaruh daripada Facebook. Menurut Hariyati Ariffin (2019), remaja masa kini tidak lagi mengendahkan bahasa carutan yang mereka gunakan menerusi Facebook kerana beranggapan fenomena tersebut sebagai gurauan dan tidak mendatangkan kesan negatif kepada sesiapa. Pernyataan ini turut disokong oleh Azianura Hani Shaari & Shahrul Nazmi Sannusi (2017) dan Rukiah (2010) yang menyatakan bahawa ciri-ciri penggunaan bahasa remaja lelaki yang boleh mengandungi kuasa, dominasi dan perpaduan homososial serta penggunaan perkataan-perkataan maskulin dalam interaksi. Keadaan ini mengundang kepada keruntuhan akhlak generasi masa hadapan dan mencemarkan kesucian agama Islam yang mengajar umatnya untuk sentiasa bersifat baik sesama manusia. Situasi itu perlu dibendung dengan segera kerana Nabi Muhammad SAW bersabda yang diriwayatkan dalam sebuah hadis riwayat al-Bukhari yang bermaksud: “Mencaci orang Islam itu termasuk fasik, iaitu (berdosa besar)”.

Masyarakat sepatutnya lebih cakna dengan penggunaan bahasa di media sosial demi menjaga perasaan orang lain ketika berkomunikasi walaupun untuk memberikan pandangan berkaitan sesuatu isu. Sekiranya perkara ini tidak dibendung daripada akar umbinya, tidak mustahil gaya pemikiran masyarakat kini lebih terarah kepada perkara yang negatif. Situasi ini boleh mencalarakan martabat agama, bangsa dan negara. Sebagai masyarakat yang hidup dalam negara yang membangun, penekanan terhadap keluhuran peribadi individu, nilai murni dan budaya positif perlu disemai.

## **Kesimpulan**

Kajian ini menyimpulkan bahawa ragam bahasa tidak formal wujud kesan daripada pengalaman lalu (*setting*). Disebabkan perasaan tidak puas hati kepada individu yang terlibat dalam isu 1MDB, masyarakat telah menggunakan medium seperti Facebook (*instrumental*)



untuk mengekspresikan perasaan marah dan benci melalui kata-kata tertentu yang dapat mencerminkan perasaan mereka. Keadaan tersebut tidak sewajarnya berlaku kerana menggambarkan perasaan tidak hormat kepada pemimpin negara. Pada masa yang sama, penutur natif bahasa Melayu itu sendiri menampakkan tahap pemikiran dan tamadun yang rendah (*norm*) kerana tidak mengamalkan kesantunan berbahasa sekali gus dapat memelihara jati diri mereka. Ketiga-tiga ragam bahasa yang berunsur negatif menerusi Facebook yang dikenal pasti dalam kajian ini berkait rapat dengan ciri-ciri individu seperti sikap, emosi dan isu yang diperkatakan. Situasi ini disebabkan oleh perasaan marah dan benci (*key*) masyarakat terhadap individu yang terlibat dalam skandal 1MDB (*act of sequence*) dan luahan tersebut dilakukan melalui Facebook. Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat satu gaya pemikiran masyarakat dalam membincangkan isu 1MDB ini melalui Facebook, iaitu perasaan marah dan sikap negatif dalam kalangan pengguna Facebook (*participant*) sehingga menyebabkan aspek kesantunan berbahasa dan nilai jati diri tercalar. Justeru, usaha untuk memartabatkan dan mendaulatkan bahasa Melayu pasti sukar menjadi kenyataan.

Kajian ini turut membuktikan bahawa rakyat Malaysia menggunakan ketiga-tiga bentuk ragam bahasa, iaitu bahasa kasar, bahasa pasar dan bahasa mencarut dengan sewenang-wenangnya menerusi Facebook. Berdasarkan ciri-ciri bahasa pertuturan lelaki, dapatan kajian juga dapat mengenal pasti golongan dewasa dan remaja lelaki lebih mendominasi penggunaan bahasa yang berunsur negatif dan dibimbangi boleh menimbulkan pelbagai kesan negatif yang boleh menjejaskan perpaduan masyarakat. Oleh itu, kajian ini memberi gambaran yang jelas tentang penggunaan unsur negatif dalam berbahasa. Unsur negatif ini perlu dibendung segera kerana boleh memberi implikasi buruk kepada generasi akan datang. Pihak berkuasa juga boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan untuk menjalankan gerak kerja dalam memastikan bahasa Melayu terpelihara. Semua pihak terutamanya golongan lelaki dan remaja seharusnya diberi pendedahan yang jelas terhadap cara berkomunikasi yang lebih bersantun menerusi platform Facebook.

Secara keseluruhannya, ragam bahasa negatif yang diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar (1987) sangat berkait rapat dengan grid etnografi komunikasi Model *SPEAKING* oleh Hymes (1972). Dapatan kajian ini membuktikan bahawa ketiga-tiga jenis bahasa negatif yang dipaparkan oleh masyarakat ketika mengulas isu 1MDB mempunyai hubungan dengan kelapan-lapan komponen yang dinyatakan dalam model berkenaan. Kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan bahasa yang dikenal pasti dan dianalisis telah dijalin secara tidak langsung untuk menzahirkan perasaan melalui medium Facebook. Rentetan daripada kajian ini, pihak berkuasa perlu kerap memantau penggunaan laman sosial yang lain seperti Twitter, Tiktok dan sebagainya supaya isu kerancuan bahasa tidak berleluasa. Penggunaan bahasa yang tidak senonoh juga turut berlaku dalam kalangan generasi muda dan penjawat awam sekali gus menyukarkan usaha melestarikan bahasa Melayu seperti yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 152.

## **Rujukan**

- Abd Rahim, M. H., & Hanafi, K. (2018). Peranan media sosial sebagai ruang awam oleh pemimpin pelajar badan eksekutif mahasiswa Universiti di Pekanbaru, Riau, Indonesia dalam membentuk gerakan sosial. *e-Bangi*, 14(3), 1-14.
- Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim, & Noor Aida Mahmor. (2016). *Kesantunan bahasa semasa berkomunikasi di laman sosial. Prosiding International Conference on Government & Public Affairs 2016 (ICOGPA2016)*. <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/20391/>.
- Anggara, D. S. (2011). *Pemakaian Bahasa Jawa masyarakat pendatang di Dukuh Kemiri, Desa Sukorejo, Kecamatan Mojotengah, Kabupaten Wonosobo*. [Latihan ilmiah, Universitas Negeri Semarang, Indonesia.]. Universitas Negeri Semarang Repository Local Content Repository. <http://lib.unnes.ac.id/10758/>.
- Asmah Haji Omar. (1987). *Malay in its sociocultural context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Ministry of Education.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan, pengajaran dan pemupukan bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azianura Hani Shaari & Shahrul Nazmi Sannusi. (2017). Power, dominance and homosocial solidarity in young men's cyber talk. *Akademika*, 87(1), 327-342.
- Bachman, L. F. (1990). *Fundamental considerations in language testing*. Oxford University Press.
- Chaiyanara, P. M (2006). Nukleusisasi molekul suku kata: Dari akar ke pucuk sel morfonemik Bahasa Melayu. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 3, Singapura*. Retrieved from [https://repository.nie.edu.sg/bitstream/10497/16440/1/PABSB-2006-67\\_a.pdf](https://repository.nie.edu.sg/bitstream/10497/16440/1/PABSB-2006-67_a.pdf).
- Faridah Nazir. (2013). Ragam bahasa komuniti Pakistan: Suatu analisis linguistik. *Journal of Techno Social*, 5(1), 23-37.
- Fujiastuti, A. (2014). Ragam bahasa transaksi jual beli di pasar Niten Bantul. *BAHASTRA*, 32(1), 15-33.
- Hariyati Ariffin. (2019, 8 November 2019). Bahasa kurang sopan ubah cara komunikasi remaja masa kini. *Sinar Harian*. Dimuat turun dari <https://www.sinarharian.com.my/article/57798/KHAS/Pendapat/Bahasa-kurang-sopan-ubah-cara-komunikasi-remaja-masa-kini>.
- Hassan Ahmad. (1999). *The language policy of Malaysia*. Art Printing Works.
- Herdi, R. N. (2012). *Realisasi kesantunan berbahasa di Facebook: Respon masyarakat terkait dengan isu kenaikan harga BBM*. Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia.

- Hymes, D.H. (1972). On communicative competence. In J.B. Pride & J. Holmes (Eds.), *Sociolinguistics. Selected Readings*. (pp. 269-293). Penguin.
- Jaafar Jambi. (2008). Cabaran dan proses pementapan bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 19(1), 68-90.
- Karim Harun & Maslida Yusof. (2015). Komunikasi bahasa Melayu-Jawa dalam media sosial. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 617-629.
- Kassim, M. A. (2021). Pelestarian bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda di Singapura. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 39-56.
- Mashudi, R., Rahmat, H., Yusoff, M. I. M., Ismail, I. S., & Wahid, J. S. (2021). Etiket Bahasa dalam perutusan khas COVID-19. *e-Bangi*, 18(4), 59-77.
- Megat Al Imran Yasin. (2020, April 17). Komen jelik bertebaran. *Harian Metro*. Dimuat turun dari <https://www.hmetro.com.my/rencana/2020/09/623734/komen-jelik-bertebaran>.
- Muhammad Zaid Daud & Mohammad Shahrul Nizam Abd Wahid. (2019). Persembahan hadrah di Sarawak: Pendekatan etnografi komunikasi. *Sains Humanika*, 11(2), 47-55.
- Naim, M., Rais, K., & Moain, A. J. (2002). *Menelusuri jejak Melayu-Minangkabau*. Yayasan Citra Budaya Indonesia.
- Nathesan, S. (2015). *Etimologi bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (1996). *Ilmu mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad & Nasariah Mansor. (2014). Kerancuan bahasa: Cabaran dalam pendidikan negara dan pembinaan negara bangsa. *Prosiding Seminar National Resilience 2014 (SNAR 2014)*. Dimuat turun dari <http://repo.uum.edu.my/id/eprint/13731/>.
- Oktavia, W. & Hayati, N. (2020). Pola karakteristik ragam bahasa istilah pada masa pandemi COVID-19. *Tabasa: Jurnal bahasa, Sastra Indonesia, dan Pengajarannya*, 1(1), 1-15.
- Rahayu, U. (2012). *Analisis ragam bahasa pada pesan kesehatan di Puskesmas Tenganan Universitas Muhammadiyah Surakarta*. [Latihan Ilmiah, Universitas Muhammadiyah Surakarta]. Dimuat turun dari [http://eprints.ums.ac.id/19372/15/02.\\_naskah\\_publicasi.pdf](http://eprints.ums.ac.id/19372/15/02._naskah_publicasi.pdf).
- Reyes, A., Rosso, P., & Veale, T. (2013). A multidimensional approach for detecting irony in twitter. *Language resources and evaluation*, 47(1), 239-268.
- Rohaidah Mashudi, Hawa Rahmat, Mohd Izwardi Mohd Yusoff, Isma Suhaila Ismail & J Sham Wahid. (2021) Etiket bahasa dalam perutusan khas COVID-19. *e-BANGI*, 18 (4), 59-77.
- Rukiah, E. (2010). Ragam bahasa remaja puteri dalam percakapan informal di kampus UPI Tasikmalaya. *Jurnal Saung Guru*, 1(2). Dimuat turun dari [jurnal.upi.edu/saung-](http://jurnal.upi.edu/saung-)

[guru/view/198/ragam-bahasa-remaja-puteri-dalam-percakapan-informal-di-kampus-upi-tasikmalaya.html](http://guru/view/198/ragam-bahasa-remaja-puteri-dalam-percakapan-informal-di-kampus-upi-tasikmalaya.html).

- Saville-Troike, M. (2008). *The ethnography of communication: An introduction* (Vol. 14). New York: John Wiley & Sons.
- Sara Beden & Indirawati Zahid (2017). Analisis kesopanan bahasa Leech (1983) & Grice (1975): Manifestasi pola & struktur kesopanan bahasa dalam Novel *Melunas Rindu*. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 26(1), 29-49.
- Shahrul Arba'iah Othman. (2001). *Implikasi penggunaan kod tangan bahasa Melayu terhadap pencapaian perbendaharaan kata dan ejaan di kalangan pelajar bermasalah pendengaran Tingkatan 2 di Kuala Lumpur*. [Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia]. Malaysian Thesis Online. Dimuat turun dari <http://myto.upm.edu.my/find/Record/ukm.b13965402/Details>.
- Sholikhah, H. A. (2015). Bahasa pria dan wanita: Kajian sosiolinguistik pada mahasiswa Universitas PGRI Palembang. *Lentera: Jurnal Ilmiah Kependidikan*, 2(3), 23-34.
- Sitorus, J. P. (2018). Ragam bahasa dalam perspektif Alkitab. *Polyglot: Jurnal Ilmiah*, 14(2), 139-150.
- Subeditor. (2019, Ogos 13). Ke mana hilang budi bahasa masyarakat Malaysia ketika lepak di media sosial? Dimuat turun dari <https://doi.org/https://orangkata.my/budaya/ke-mana-hilang-budi-bahasa-masyarakat-malaysia-ketika-lepak-di-media-sosial/>.
- Tengku Shahrolnizam Tengku Yahya & Rohaidah Haron (2020). Aspek superordinat dalam ruangan pojok Awang Selamat. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 31(1), 47-60.
- Triadi, R. B. T. B. (2018). Penggunaan makian bahasa Indonesia pada media sosial (kajian sosiolinguistik). *Jurnal Sasindo Unpam*, 5(2), 1-29.
- Xiaomei, W. (2012). Emergent grammatical structures of bahasa pasar: Based on Hakka-Malay and Cantonese-Malay Glossaries. *GEMA Online: Journal of Language Studies*, 12(3), 865-884.
- Yuznaili Salleh. (2021). *Panduan komprehensif penyelidikan: Navigasi penyelidikan anda*. Puchong: Global Mediastreet Sdn Bhd.
- Zainal Abidin Ahmad. (2002). *Ilmu mengarang Melayu: Edisi ejaan Rumi baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan Hamzah. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *Gema Online Journal of Language Studies*, 11(3), 31-51.
- Zullina, D. N. & Maulida, S. Z. (2019). Ragam bahasa dalam transaksi jual-beli di Pasar Beringharjo Yogyakarta. *Dialektika: Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 6(1), 22-35.
- Zuraini Ramli, Khairul Azam Bahari, Dahlia Janan, & Husna Faredza Mohamed Redzwan. (2009). *Amalan kesantunan berbahasa di sekolah berdasarkan surat dan dokumen*

*rasmi* [Monograf]. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia. Dimuat turun dari <http://malrep.uum.edu.my/rep/Record/oai:ir.upsi.edu.my>.